

## JADUAL KADAR HARGA

BIL	HURAIAN	UNIT	KADAR HARGA (RM)
	<p>Kadar Harga bagi setiap item di dalam Jadual Kadar Harga kerja-kerja penyelenggaraan ini adalah termasuk menyediakan dan menghantar semua bahan-bahan, memungkah, memotong dan pembaziran pada bahan-bahan, menyimpan, membungkus, mengangkut dan membuang, pemasangan kelengkapan pada tempatnya, penggunaan loji, pengawasan, caj penempatan, keuntungan dan tenaga buruh yang lain dan semua yang diperlukan untuk menyiapkan sesuatu kerja dengan sempurna.</p> <p><b>(B) <u>MENGGALI TANAH, PARIT DAN LAIN-LAIN</u></b></p> <p><b>MEMOTONG POKOK</b></p> <p>Kadar harga ini adalah bagi kerja yang dijalankan tanpa menggunakan loji berjentera. Ia meliputi memotong pokok dan melupus kayu kayan.</p> <p>Jika batang, akar, umbi dan sebagainya perlu dikeluarkan dari tapak bina atas arahan Pegawai Penguasa, kos pengangkutannya hendaklah dipersetujui.</p> <p>Kadar harga ini hanya untuk kerja yang dijalankan di kawasan yang tidak terdapat gangguan lalulintas atau bahaya kepada kabel, awayar elektrik dan bangunan.</p> <p>(Ukur lilit 900mm diukur dari paras tanah)</p>		
A	a) Ukur lilit tidak melebihi 600mm	NOS	297.00
B	b) Ukur lilit lebih 600mm dan tidak lebih 1200mm	NOS	387.00
C	c) Ukur lilit lebih 1200mm dan tidak lebih 1800mm	NOS	567.00
	Membekal tenaga buruh, peralatan lori, jentera kren untuk kerja-kerja mencantas dahan satu pokok tinggi lebih 3000mm sehingga 9000mm termasuk membuang keluar semua bahan buangan		
D	a) Tinggi 1800mm sehingg 3000mm.	NOS	200.60
E	b) Tinggi 3000mm sehingg 9000mm.	NOS	247.00
	Kerja mencabut dan membongkar akar pokok termasuk membuang keluar dari tapak bina menimbus semula dengan tanah atau bahan yang sesuai sehingga sempurna.		
F	a) Ukur lilit lebih 600mm dan tidak lebih 1200mm.	NOS	201.60
G	b) Ukur lilit lebih 1200mm dan tidak lebih 1800mm.	NOS	305.50

## JADUAL KADAR HARGA

BIL	HURAIAN	UNIT	KADAR HARGA (RM)
	<p><b>MENGGALI TANAH</b></p> <p>Menggali tanah hendaklah mengikut ukuran tepat yang dikehendaki sahaja. Sekiranya digali lebih dari yang dikehendaki, kontraktor hendaklah menimbus kembali dengan tanah, abatu atau konkrit yang diluluskan oleh Pegawai Penguasa dengan tidak mendapat sebarang bayaran tambahan.</p> <p>Harga menggali tanah adalah termasuk harga membersihkan kawasan yang hendak digali, menimbus serta memadatkan tanah ke dalam lubang dan membuang tanah yang berlebihan tidak melebihi 100 meter dan meratakannya di tempat yang diarahkan.</p> <p>Harga menggali juga termasuk mengeluarkan air yang bertakung misalnya air hujan atau lumpur dengan cara menimba atau mengepam serta menupang tebing parit dengan papan dan kayu. Menimba air disebabkan oleh tanah lembab atau mata air akan dibayar sebagai ekstra dan mengikut Bayaran Kerja Hari.</p>		
A	Menggali tanah ke paras (dengan tangan)	M3	33.00
B	Menggali tanah ke paras (dengan jentera)	M3	7.10
C	Menggali tanah ke paras 1000mm dalam (dengan tangan)	M3	35.80
D	Menggali tanah ke paras 1000mm dalam (dengan jentera)	M3	13.90
E	Menggali parit hingga 1500mm dalam (dengan tangan)	M3	53.40
F	Menggali parit hingga 1500mm dalam (dengan jentera)	M3	18.70
G	Menggali parit lebih 1500mm tetapi tidak lebih 3000mm dalam (dengan tangan)	M3	88.30
H	Menggali parit lebih 1500mm tetapi tidak lebih 3000mm dalam (dengan jentera)	M3	19.30
J	Menggali parit lebih 3000mm tetapi tidak lebih 4500mm dalam (dengan tangan)	M3	112.10
K	Menggali parit lebih 3000mm tetapi tidak lebih 4500mm dalam (dengan jentera)	M3	20.20
L	Menggali parit cetek tidak lebih 750mm dalam untuk paip air (dengan tangan)	M	11.10
M	Menggali parit cetek tidak lebih 750mm dalam untuk paip air (dengan jentera)	M	2.10
N	Menggali lubang untuk tiang atau tapak tidak lebih 0.25 meter padu (dengan tangan)	NOS	16.70
P	Menggali lubang untuk tiang atau tapak tidak lebih 0.25 meter padu (dengan jentera)	NOS	6.20
Q	Menggali lubang untuk tiang atau tapak tidak lebih 0.50 meter padu (dengan tangan)	NOS	33.50

## JADUAL KADAR HARGA

BIL	HURAIAN	UNIT	KADAR HARGA (RM)
<b>MENGGALI TANAH (SAMB.)</b>			
A	Menggali lubang untuk tiang atau tapak tidak lebih 0.50 meter padu (dengan jentera)	NOS	10.20
B	Menggali lubang untuk tiang atau tapak tidak lebih 1 meter padu (dengan tangan)	NOS	67.00
C	Menggali lubang untuk tiang atau tapak tidak lebih 1 meter padu (dengan jentera)	NOS	19.30
D	Menggali lubang untuk tiang atau tapak lebih 1 meter padu (dengan tangan)	M3	58.10
E	Menggali lubang untuk tiang atau tapak lebih 1 meter padu (dengan jentera)	M3	18.70
<b>MEMBUANG TANAH</b>			
F	Membuang tanah sejauh lebih dari 100 meter tetapi tidak lebih 250 meter (dengan tangan)	M3	15.40
G	Membuang tanah sejauh lebih 250 meter tetapi tidak lebih 500 meter (dengan lori)	M3	25.50
H	Membuang tanah sejauh lebih 500 meter tetapi tidak lebih 750 meter (dengan lori)	M3	25.90
J	Membuang tanah sejauh lebih 750 meter tetapi tidak lebih 1000 meter (dengan lori)	M3	26.20
K	Membuang tanah sejauh lebih 1km tetapi tidak melebihi 5km (dengan lori)	M3	31.60
L	Membuang tanah sejauh lebih 5km (dengan lori)	M3	38.30
<b>MENIMBUS TANAH</b>			
<p>Tanah yang hendak digunakan untuk menimbus hendaklah bersih tanpa rumput-rumpai dan diperolehi dari penggalian tersebut atau digali di tapak bina itu. Sekiranya tanah terpaksa diimpot ke tapak bina, maka harganya akan dikira seperti item membuang tanah di atas.</p> <p>Kerja-kerja menimbus penggalian telah diambil kira di dalam kadar harga penggalian dan tidak akan dibayar berasingan.</p> <p>Harga bagi menimbus tanah hendaklah termasuk harga menggali, menghampar, merata dan memadatkan sebagaimana yang dikehendaki.</p>			
M	Timbusan yang diperolehi dari tapak bina	M3	26.30
N	Timbusan yang diperolehi dari luar tapak bina	M3	30.60
P	Buruh sahaja untuk merapi tebing atau benteng	M2	4.00

## JADUAL KADAR HARGA

BIL	HURAIAN	UNIT	KADAR HARGA (RM)
<b>MENANAM RUMPUT</b>			
A	Bekal dan hampar 25mm tebal tanah baja yang diluluskan.	M2	9.30
B	TAMBAHAN bagi setiap tambahan 25mm tebal  Bekal dan tanam rumput dari kualiti dan tebal yang diluluskan serta disiram setiap hari sehingga peringkat yang memuaskan.	M2	7.80
C	a) Jarak antara kepingan rumput 1200mm	M2	1.10
D	b) Jarak antara kepingan rumput 900mm	M2	1.60
E	c) Jarak antara kepingan rumput 600mm	M2	3.70
F	d) Menanam rumput secara rapat-rapat ( Close Turfing ).	M2	17.40
G	Membekal rumput dan tanah hitam setebal 50mm untuk menanam rumput biasa. TAMBAHAN untuk pasak tebing	M2	18.90
<b>HADKOR</b>			
H	Hadkor secara pukal	M3	68.40
J	150mm Tebal hadkor di bawah lantai	M2	11.10
K	Membekal dan memadatkan ( <i>Hardcore</i> ) batu baur dengan jentera setebal 225mm	M2	26.50
<b>PASIR</b>			
L	Membekal dan menambak pasir yang diambil dari luar tapak bina termasuk merata dan memampat.	M3	51.20